

AYAT SERIBU DINAR...

At-Talaq:2-3

Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah niscaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya.

Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah niscaya Allah akan mencukupkan keperluannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yg dikehendakiNya).

1) ana nak tanya, sejauh manakah kesahihan cerita kisah seribu dinar ini... klu tak silap mmg tidak ada dalil dlm hadis yg menceritakan kisah ini.

2) bolehkah ayat tersebut diamalkan selepas solat fardhu? ada pendapat yg mengatakan selepas solat fardhu elok diamalkan ayat tersebut.

3) adakah ia bolih dikatakan bidaah/ sesuatu yg diada-adakan krn Nabi SAW telah mengajar kita cara berzikir selepas solat fardhu?

minta penjelasan dari ustaz abdul kadir atau terbuka kepada sesiapa pun boleh.

Kisah di sebalik ayat seribu dinar
Assalamualaikum wbt semua,

Hari ni saya nak kongsi cerita mengenai ayat seribu dinar. Ramai di antara kita yang dok beramal dengan ayat seribu dinar, setengahnya, beli hiasan dinding dengan ayat seribu dinar. Tapi tahu tak kita, bagaimana ayat dari surah at-Talaq (2-3) ini mendapat gelaran ayat seribu dinar?

Al-kisah cerita bermula dengan sebuah kapal yang berlayar di tengah samudera, tiba2 satu hari ditahan oleh seorang pemuda. Penghuni di atas kapal semuanya hairan, dari mana munculnya pemuda tersebut sedangkan mereka berada di tengah2 lautan.

Selepas pemuda tersebut naik ke atas kapal tersebut, dia pun bertanya, "Ada tak

sesiapa yang ingin tahu cara untuk mendapatkan harta yang tidak disangka2?"

Maka berebut2lah orang di atas kapal itu hendak belajar dari pemuda tersebut.

Pemuda itu pun menyambung semula, "Bagi sesiapa yang mahu tahu caranya, hendaklah menyediakan bayaran sebanyak seribu dinar." (seribu dinar ni kira mahallah, duit emas). Maka ramailah yang tarik diri.. kecuali seorang pemuda.

Beliau sanggup membayar kepada pemuda yang baru naik ke atas kapal itu dengan

bayaran seribu dinar bagi mengetahui cara2 untuk mendapatkan harta yang tak di

sangka2. Maka pemuda yang membayar seribu dinar ni pun diajar supaya mengamalkan

surah at-talaq, dari penghujung ayat kedua sehingga habis ayat ke tiga. Selepas

mengajar ayat tersebut, pemuda yang mengajar tu pun hilang dari penglihatan.

Semua orang berasa hairan. Pemuda yang diajar ayat tadi pun beamallah dengan

ayat tersebut sepanjang perjalanan mereka di tengah lautan.

Pada suatu ketika di dalam pelayaran tersebut, berlaku ribut-taufan yang amat

dahsyat, sehingga menyebabkan kapal tersebut tenggelam. Maka matilah semua

penumpang kapal tersebut kecuali pemuda yang beramal dengan ayat tersebut.

Beliau terdampar di sebuah pulau.

Sedang beliau berjalan2 mencari tempat berteduh, pemuda tadi berjumpa sebuah

gua. Di dalam gua tersebut beliau bertemu dengan seorang gadis yang sangat

cantik. Di samping gadis tersebut terdapat harta yang sangat banyak. Pemuda tadi

pun bertanya kepada gadis tersebut, siapakah dia dan milik siapa harta yang

banyak itu. Maka gadis tersebut menceritakan bahawa beliau telah dicolek oleh

jin yang ingin menjadikan gadis itu isterinya. Gadis tersebut ditawarkan harta

yang banyak, bagi memujuk beliau bersetuju dengan perkahwinan tersebut.

Pemuda tersebut berkata kepada gadis tersebut, bahawa dia akan menyelamatkan

gadis tersebut dari jin yang jahat itu. Gadis itu pun memberitahu pemuda tersebut yang jin itu akan datang bertanya dua kali sehari, sekali di waktu pagi dan sekali di waktu petang.

Pada petang hari tersebut jin pun datang bertanya kepada gadis tersebut sama ada dia bersetuju untuk menjadi isteri jin tersebut atau tidak. Sebelum sempat dijawab oleh gadis tersebut, pemuda tadi pun keluar dari tempat persembunyian sambil menyuruh jin supaya melepaskan gadis itu. Jin tersebut sangat marah tetapi pemuda itu tidak berasa takut. Malah dia berkata kepada jin tersebut yang dia ingin berlawan dengannya. Pemuda tersebut mencadangkan kepada jin sekiranya dia kalah, gadis itu akan berkahwin dengan jin tersebut dan sekiranya dia menang, dia akan dapat harta yang banyak tadi beserta dengan gadis tersebut. Mendengarkan ini, jin tersebut sangat suka kerana dia pasti dapat mengalahkan pemuda tersebut, maka dia pun bersetuju.

Maka berlawanlah jin dan pemuda tersebut, dengan berkat amalan ayat di atas, maka jin itu pun dapat dikalahkan. Maka jin itu pun terpaksa menyerahkan harta yang banyak dan gadis itu kepada pemuda tadi.

Selang beberapa hari, ada sebuah kapal berlabuh singgah di pulau tersebut. Maka pemuda dan gadis itu pun menumpang pulang ke negeri asalnya beserta harta jin tadi. Maka berkahwinlah mereka dan hidup aman damai hingga ke akhir hayat.

Kalau kawan2 semua nak tahu, pemuda yang keluar dari air yang menahan kapal tersebut adalah malaikat yang menjelma dalam bentuk manusia. Pemuda yang mengamalkan ayat seribu dinar ini, mendapat harta yang tak disangka2, iaitu, terselamat dari kapal tenggelam, dapat mengalahkan jin tadi, mendapat harta dan gadis tadi. Sebab itulah ramai ustaz-ustazah kata, elok diamalkan ayat seribu

dinar ini sekiranya mahu rezeki yang tidak disangka2.

Wallahua'lam.

Jawapan :

1- Cerita tu termasuk cerita karut dongengan alam melayu.

2- Selepas solat amalkan zikir-zikir yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w. Kenapa kita sibuk dengan nak amalkan ayat untuk murah rezeki ? Mengapa tidak melihat kepada isi kandungan ayat tersebut ? ALLAH s.w.t. menyebut dengan jelas : "Sesiapa yang bertakwa kepada ALLAH, DIA akan menjadikan bagi orang itu jalan keluar, dan DIA (ALLAH) akan merezekikannya dari jalan yang tidak disangka-sangka..."

Syarat yang jelas disebut di dalam ayat ialah TAKWA kepada ALLAH s.w.t

3- Ya, ia boleh membawa kepada Bid'ah. Bila kita tetapkan sesuatu bacaan pada sesuatu tempat tertentu, sedang Nabi s.a.w. tidak mengajarkannya. Kemudian akan ada pula nanti orang yang menerangkan kaifiyyat atau cara-caranya. INI SUDAH TENTU TERMASUK DALAM PERKARA BID'AH.